

Headline	Saya belum layak		
MediaTitle	Metro Ahad		
Date	25 Aug 2013	Color	Full Color
Section	Selebriti	Circulation	314,321
Page No	S25	Readership	1,964,000
Language	Malay	ArticleSize	698 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 25,680
Frequency	Daily	PR Value	RM 77,040



'Saya belum layak'

Oleh RUDY IMRAN SHAMSUDIN
imran@mediaprima.com.my

Melihat senarai tenaga pengajar yang diumumkan Astro bagi membantu peserta bertanding dalam rancangan realiti Akademi Fantasia 2013 (AF2013), ia mendapat pelbagai maklum balas pelbagai.

Paling dipertanyakan, pemilihan pelakon Fizz Fairuz, 34, selaku guru seni persembahan dan bakal berganding dengan Syafizawati Sharif atau Shafi sebagai guru vokal sementara tugas membentuk seni persembahan dan pereka tari diberi kepada Muhammad Haslam Abdul Rahman Rubaee (Alam) dan Suhaili Micheline.

Melihat kepada latar semua tenaga pengajar dipilih, tidak dinafikan mereka mempunyai ilmu dan pengalaman tinggi. Shafi sendiri sudah sangat sinonim dengan Akademi Fantasia apabila diberikan peranan sama pada musim keempat hingga ke sembilan.

Pernah melatih Hafiz sebagai persiapan untuk konsert solo di Dewan Filharmonik Petronas dan menang Anugerah Juara Lagu. Selain itu Shafi juga turut melatih vokal penyanyi berpengalaman antaranya Ning Baizura dan Amy Search.

Sebagai penari, Alam menang pelbagai pertandingan disertai termasuk acara besar antaranya rancangan realiti So You Think You Can Dance selain Showdown.

Suhaili pula yang menuntut dalam bidang seni persembahan tari di luar negara, pernah memenangi anugerah seperti Penari Wanita Terbaik, Koreografi Terbaik dan Produksi Terbaik di KLPAC Short And Sweet Festival.

Kini bergelar pensyarah, dia turut diberikan Anugerah Pencapaian Pensyarah, Fakulti Tarian di Akademi Seni Kebangsaan (ASWARA).

Namun jika hendak dinilai daripada latar pencapaian Fizz, ramai yang ragu dan tidak kurang ada berpandangan sinis. Kebanyakan meletakkan Fizz tidak mempunyai pendidikan formal dalam dunia seni lakon bagi melatih peserta bakal menyertai AF2013.

Berbanding tenaga pengajar sebelum ini, Fatimah Abu Bakar atau Fauziah Nawi yang mempunyai produksi teater sendiri, menjadi pensyarah tamu seni persembahan di universiti

tempat, terbabit secara langsung dan tidak langsung dalam produksi teater dan melatih pelakon.

Pencapaian terbaik Fizz adalah menang anugerah Pelakon TV Lelaki Popular di Anugerah Bintang Popular Berita Harian 2011 (ABPBH2011) tahun lalu dan gagal dipertahankan tahun ini.

Ditemui di majlis pengumuman yang diadakan Rabu lalu, Fizz secara jujur mengakui dia sendiri terkejut apabila produksi AF2013 menghubunginya dan menawarkannya menjadi tenaga pengajar.

"Saya katakan kepada mereka, di luar sana lebih ramai lagi rakan pelakon yang jauh lebih berpengalaman dan bagus. Sedangkan ilmu saya kurang, apatah lagi untuk mengajar orang baru yang menyertai AF2013.

"Dari sudut pencapaian pun saya hanya pernah menang sekali itu pun kategori popular.

Bukan paling popular pun. Anugerah terbaik dalam bidang lakonan hanya setakat dicalonkan dan tidak pernah menang. Saya sangsi juga dan tentunya mereka berkali-kali kenapa saya.

"Pihak produksi berkeras mahu saya terbabit dengan AF2013 walaupun saya berkali-kali menjelaskan kepada mereka, daripada sudut latar pencapaian saya belum layak," katanya.

Mengenai kemungkinan pemilihannya ada kaitan dengan isu panas dan kontroversi yang dikaitkan dengan dirinya sebelum ini memandangkan produksi Akademi Fantasia untuk musim ini lebih menumpukan perhatian mengenengahkan bagaimana peserta mempersiapkan diri berhadapan dengan dunia realiti sebagai insan seni, Fizz menjelaskan, perkara itu tidak pula mereka maklumkan kepadanya.

"Cuma katanya, mereka mahu saya berkongsi pengalaman sebagai pelakon yang sudah enam tahun terbabit dalam dunia lakonan. Maklumlah saya bermula dari bawah dan mengambil masa enam tahun untuk mencipta nama.

"Sepanjang tempoh itu sudah tentu banyak liku-liku dan pahit

Headline	Saya belum layak		
MediaTitle	Metro Ahad		
Date	25 Aug 2013	Color	Full Color
Section	Selebriti	Circulation	314,321
Page No	S25	Readership	1,964,000
Language	Malay	ArticleSize	698 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 25,680
Frequency	Daily	PR Value	RM 77,040

jerih harus saya lalui. Perkara itu yang mereka mahu saya kongsi dengan mereka," katanya.

Ber cerita lanjut dengan penganjur, dia mahu mempersiapkan pengajarnya agar apa yang dilakukan dapat memberi sesuatu kepada peserta dipilih. Fizz mengatakan dia ada strategi lain.

"Menjadi tenaga pengajar seni lakon memberikan saya kelebihan untuk membawa rakan-rakan yang mempunyai pengalaman luas dalam bidang ini untuk berkongsi dan memberi

ilmu kepada mereka.

"Ibaratnya mereka menjadi tenaga pengajar jemputan dan akan bersama saya mengajar peserta ini," katanya.

Tegas Fizz, dia akan memberikan tunjuk ajar kepada pelajar bagaimana hendak menghayati sesebuah lagu, terutama dalam mentafsir lirik. Katanya, dia sendiri selalu menggunakan lagu untuk penghayatan dalam lakonan.

"Perkara itu sama. Nyanyian dan lakonan adalah dua perkara yang mempunyai kaitan rapat. Cuma dalam hal ini, saya cuba

memberi gambaran kepada peserta bagaimana hendak menyampaikan lagu dengan baik.

"Mengambil contoh kalau lagu itu keras dan peserta memiliki vokal lembut, tidak bermakna dia tidak boleh menyanyikannya dengan baik. Dengan penghayatan penuh di samping lenggok tubuh, ia mampu dilakukan. Begitu jugalah sebaliknya.

"Saya mengharapkan apa yang bakal saya lakukan dan berkongsi pengalaman sepanjang AF2013, ia dapat membantu peserta terbabit," katanya.

Profil i

- **Nama:** Mohd Fairuz Zainal Abidin
- **Lahir:** 22 Oktober 1979
- **Asal:** Raub, Pahang
- **Sejarah kerjaya:** Bermula sebagai pelakon lagak ngeri untuk beberapa produksi drama dan pembikinan VCD pada 1996.
- Siri Nur Kasih menjadi satu fenomena pada 2010.
- **Pencapaian:** Dinobatkan Pelakon TV Lelaki Popular di ABPBH 2011 tahun lalu.
- **Filem:** Castello, Orang Minyak, Anak Halal, Syurga Cinta, Niyang Rapik, Nur Kasih The Movie, Cinta Kura-kura, 29 Februari

Headline	Saya belum layak		
MediaTitle	Metro Ahad		
Date	25 Aug 2013	Color	Full Color
Section	Selebriti	Circulation	314,321
Page No	S25	Readership	1,964,000
Language	Malay	ArticleSize	698 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 25,680
Frequency	Daily	PR Value	RM 77,040



**"Saya sangsi
juga dan tanya
mereka
berkali-kali
kenapa saya"**
Fizz Fairuz